

74 pemain sertai Kejohanan Badminton 'Let's Shuttle 2024!' di dewan UPMKB pada 9-10 Mac

BINTULU: Seramai 74 pemain menyertai Kejohanan Badminton 'Let's Shuttle 2024!' yang berlangsung pada 9 dan 10 Mac lalu di Dewan Sri Kenyalang Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di sini.

Estrada Alponsus Ake dan Hor Weng Yio muncul juara kategori beregu lelaki, juara kategori beregu wanita disandang oleh Catherine Charles dan Joycelyn Tu Yu Tian, manakala juara beregu campuran diraih oleh Aaron Goh dan Venice Goh.

Kejohanan yang dibahagikan kepada tiga kategori tersebut anjuran Pelajar Kursus Kokurikulum Badminton Berkredit QS2102 (Kumpulan 1), Semester Kedua Sesi Akademik 2023/2024 UPMKB.



UNTUK ALBUM: Para pemenang dan jawatankuasa pengajian kejohanan bergambar kenangan.

Kejohanan itu menekankan kaedah pembelajaran secara 'Immersive Face-to-Face' serta turut menarik penyertaan warga negara jiran,

Kalimatan Indonesia yang bekerja di Bintulu.

Para peserta mengharapkan kejohanan itu dapat dianjurkan dalam skala besar pada

masa akan datang, sekali gus berkongsi cara permainan taktikal dan peraturan permainan kepada pelajar yang belajar sebagai pengadil

pertandingan.

Agensi luar turut berminat untuk menjalankan kerjasama dalam penganjuran kejohanan badminton seumpamanya pada masa depan.

Fasilitator kursus merangkap penasihat kejohanan, Mohammad Thaqif Tong berkata beliau berpuas hati dengan sambutan menggalakkan dengan penyertaan peserta dari negara lain.

Katanya, kejohanan itu julung kali diadakan selepas dewan itu dibuka untuk kegunaan aktiviti riadah warga kampus serta sewaan umum.

"Ia mempromosikan kemudahan sukan serta bakat pelajar yang ada di UPMKB untuk dikembangkan secara meluas di sini," katanya.